



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 24 / 2023**

### **KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN NEGERI N.36 PELANGAI, PAHANG**

1. SPR merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham **YB Dato' Sri Johari bin Harun** atas kembalinya Allahyarham ke rahmatullah pada **17 Ogos 2023 (Khamis)**. Semoga keluarga Allahyarham tabah menghadapi kehilangan orang yang tersayang.
2. Susulan itu, SPR telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, Yang DiPertua Dewan Negeri Pahang**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang**.
3. Selaras dengan **Bab IV Perkara 26 (5) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang** telah memperuntukkan yang kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Negeri N.36**

**Pelangai, Pahang**, perlu diisi dalam tempoh **60 hari** dari **tarikh kekosongan kerusi tersebut dipastikan oleh SPR.**

4. Sehubungan itu, SPR akan mengadakan satu **Mesyuarat Khas Pilihan Raya Kecil Dewan Negeri N.36 Pelangai, Pahang** pada **24 Ogos 2023 (Khamis)**. Mesyuarat Khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR**, di mana tarikh-tarikh penting PRK seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut akan dibincangkan.
5. Satu sidang media akan diadakan seurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

21 Ogos 2023 / 4 Safar 1445H